

Kesedaran Akaun Mule

Apa itu "Akaun Mule"

Secara umum, "Akaun Mule" (juga dikenali sebagai "akaun keldai") merujuk kepada akaun yang digunakan untuk menerima dan memindahkan dana yang diperoleh secara haram bagi pihak orang lain. Sehubungan dengan itu, penipu boleh mendekati mangsa (pemegang akaun keldai) dengan tawaran yang lumayan sebagai pertukaran bagi mangsa untuk 'meminjamkan', 'berkongsi' atau 'menyewakan' akaun/ kad bank mereka atau membantu untuk memfasilitasi permintaan penipu itu secara sengaja atau tidak sengaja untuk menerima atau memindahkan dana yang diperoleh secara haram daripada/ kepada pihak ketiga. Mangsa boleh didakwa di bawah undang-undang jika akaun mereka didapati terlibat dalam kegiatan haram tersebut walaupun mereka tidak terlibat secara langsung atau tidak mempunyai pengetahuan mengenai kegiatan haram tersebut.

Bagaimakah ia berfungsi?

- Penipu boleh menghubungi mangsa yang berpotensi melalui e-mel, ruang sembang, laman web atau media sosial dan memujuk mereka untuk menyewakan akaun/ kad bank mereka atau menerima dana yang tidak diketahui dalam akaun bank mereka sebagai pertukaran untuk ganjaran atau dalam bentuk balasan lain.
- Setelah mangsa bersetuju untuk menyewakan akaun/ kad mereka, penipu akan melakukan tindakan tanpa izin yang antara lain termasuk aktiviti atau transaksi haram dengan menggunakan akaun keldai tersebut seperti, memindahkan dana haram ke dalam akaun bank mangsa, melakukan beberapa pemindahan dana haram ke akaun-akaun keldai yang berlainan, menggunakan kad mangsa untuk mengeluarkan dana haram atau melakukan aktiviti penipuan menggunakan akaun keldai tersebut.
- Sebagai alternatif, penipu boleh mengarahkan mangsa untuk melakukan pemindahan dana secara haram atau pengeluaran ATM bagi pihak penipu tanpa memberitahu mangsa bahawa keseluruhan proses tersebut melibatkan kegiatan haram.
- Pemegang akaun keldai boleh didakwa di bawah Seksyen 424 Kanun Keseksaan ke atas kesalahan menyembunyikan wang secara curang atau tipuan yang membawa hukuman penjara hingga lima (5) tahun, atau denda, atau kedua-duanya jika disabit kesalahan walaupun pemegang akaun keldai tersebut tidak terlibat secara langsung dalam apa sahaja yang dilakukan oleh "penyewa" mereka.
- Setelah mengesan transaksi haram seperti yang dinyatakan di atas, nama pemegang akaun keldai akan dimasukkan ke dalam senarai hitam sehingga tidak berkemungkinan bagi pemegang akaun atau mana-mana pihak lain yang memiliki akses ke atas akaun tersebut untuk melakukan sebarang aktiviti perbankan dengan bank atau pihak lain.

Bagaimana untuk mengelakkan penipuan akaun Mule?

- Jangan menerima tawaran pekerjaan atau ganjaran yang menguntungkan atau skim pelaburan yang kononnya benar atau apa-apa jenis tawaran yang nampaknya sangat menguntungkan ("terlalu menarik sehingga sukar dipercayai") yang menjanjikan pulangan cepat atau tiada risiko yang memerlukan anda untuk mendedahkan butiran perbankan

peribadi anda termasuk kad dan/atau log masuk dan kata laluan perbankan dalam talian anda.

- Jangan berkongsi butiran akaun bank anda, iaitu Nama Pengguna dan/atau Kata Laluan Perbankan Internet, Kad ATM, nombor akaun bank, jenis akaun yang disimpan dengan bank, Nombor PIN atau TAC kepada pihak ketiga.
- Jangan menolong sesiapa sahaja untuk menerima atau memindahkan dana daripada/ke pihak ketiga. Anda mungkin melanggar undang-undang jika terdapat kegiatan atau transaksi haram dan tindakan penguatkuasaan boleh diambil terhadap anda.
- Laporkan perbuatan “scam”/ penipuan kepada bank dan agensi penguatkuasaan undang-undang dengan segera jika anda fikir anda berkemungkinan sudah menjadi sebahagian daripada penipuan akaun keldai.